

# Susu Marigold HL ditarik balik serta-merta

BH  
18/10



Antara produk produk susu Marigold HL 200 milliliter dan satu liter ditarik daripada pasaran.

**Kuala Lumpur:** Malaysia Milk Sdn Bhd (Malaysia Milk) menarik balik produk susu Marigold HL 200 milliliter dan satu liter daripada pasaran serta-merta kerana terjejas akibat pencemaran bakteria.

Pengurus Besar Malaysia Milk, Poh Eng Lip, berkata tindakan berkenaan dilakukan selepas menerima maklum balas pelanggan berhubung produk susu berperisa coklatnya lebih pekat daripada biasa.

“Walaupun maklum balas pelanggan merujuk secara khusus kepada susu Marigold HL berperisa coklat, kami mengambil langkah

proaktif menarik balik produk susu lain, termasuk Marigold HL lemak rendah, berperisa strawberry dan sterol tumbuhan.

“Bagaimanapun, hanya produk susu Marigold HL dengan tarikh luput sebelum 7 November bagi Semenanjung Malaysia dan tarikh luput sebelum 11 November bagi Sabah, Sarawak serta Labuan yang ditarik balik serta-merta,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

**Kenal pasti punca masalah**  
Eng Lip berkata, pasukan Unit Kawanan Kualiti dan Pengilangan sudah mengenal pasti punca ma-

salah terbabit dan sudah menyelesaikannya.

Beliau berkata, kesan sampingan jika terminum susu rosak boleh menyebabkan perut rasa kurang selesa, namun ia tidak memberi kesan sampingan untuk jangka panjang.

Katanya, pelanggan yang sudah membeli produk terbabit dinasihatkan supaya memulangkannya kepada Malaysia Milk.

“Malaysia Milk memohon maaf atas segala kesulitan yang berlaku akibat penarikan balik produk kerana aspek kesihatan dan keselamatan pelanggan adalah keutamaan kami,” katanya.